

10 APR 1996
Hamid-Bosnia
MALAYSIA KOMITED TERHADAP BOSNIA

Oleh: E. Sivabalan

SARAJEVO, 10 April (Bernama) -- Malaysia sekali lagi mengulangi komitmennya untuk membantu dalam pembangunan dan pemulihan Bosnia-Herzegovina dengan menawarkan kerjasama teknikal, komersil dan ekonomi kepada negara Balkan itu.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar hari ini berkata Malaysia akan menggalakkan para pelaburnya supaya mengambil peluang daripada potensi di Bosnia untuk memastikan negara Balkan itu maju dan dapat mengekalkan keamanannya yang dicapai menerusi Perjanjian Damai Dayton.

"Kerajaan akan menggalakkan sektor swasta supaya membangunkan semula Bosnia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memulakan usaha itu dengan membawa bersama-sama beberapa tokoh perniagaan semasa lawatannya ke sini minggu depan," kata Syed Hamid kepada Bernama di sini.

Beliau berada di sini untuk menghadiri mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi membincangkan pendirian bersama dalam membangunkan semula Bosnia.

Menteri-menteri luar dan pertahanan dari Bangladesh, Bahrain, Brunei, Mesir, Guinea, Indonesia, Iran, Kuwait, Malaysia, Maghribi, Pakistan, Qatar, Arab Saudi, Senegal, Turki dan Emiriah Arab Bersatu menghadiri mesyuarat dua hari itu.

Syed Hamid berkata beliau telah memaklumkan mengenai komitmen Malaysia kepada rakan sejawatannya dari Bosnia Vladimir Zoljic dan Menteri Luar Bosnia Dr Jadranko Prlic semasa pertemuan mereka di ibu negara Bosnia semalam.

Katanya beliau dimaklumkan bahawa kerajaan Bosnia begitu memerlukan bantuan kewangan untuk membangunkan semula negara itu.

Beliau berkata mereka telah melahirkan kebimbangan mengenai beberapa komitmen kewangan yang belum lagi diterima.

"Mereka bimbang bahawa walaupun banyak surat hasrat daripada Barat - Amerika Syarikat dan Eropah - tetapi wang bagi pembangunan semula itu masih belum diterima.

"Oleh itu, proses keamanan bagi mereka sangat rapuh dan adalah sangat penting bagi pembangunan semula itu disegerakan," katanya.

Syed Hamid juga membidas media Barat kerana membuat dakwaan tidak berasas bahawa OIC tidak membantu rakyat Bosnia.

"Banyak usaha oleh negara-negara OIC tidak dilihat oleh umum... jika kita bercakap mengenai OIC secara keseluruhan, banyak daripada anggotanya disenaraikan dalam kategori negara membangun.

"Hakikatnya ialah negara-negara anggota OIC telah membantu untuk membawa keamanan dan banyak negara OIC mengambil bahagian dalam proses keamanan itu," katanya.

Beliau berkata mesyuarat OIC di sini adalah bukti jelas mengenai komitmen negara-negara anggota dalam membangunkan semula Bosnia-Herzegovina dan untuk memastikan kejayaannya dan kewujudkan berterusan Persekutuan Bosnia-Croat.

Syed Hamid kemudian berlepas ke Livno, kira-kira 200 km dari sini untuk melawat anggota tentera Kontinjen Malaysia (Malcon I). -- BERNAMA

ES AKD